

Import topeng muka dibenarkan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membenarkan import topeng muka bagi mengatasi kekurangan bekalan di pasaran domestik akibat penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, kebenaran untuk mengimport berkuat kuasa kelmarin adalah susulan harga siling topeng muka yang dinaikkan daripada 80 sen sekeping kepada RM2 sekeping ketika ini.

"Kami harap langkah ini akan menggalakkan peniaga mengimport topeng muka dalam waktu yang terdekat.

"Kalau KPDNHEP masih mengehadkan harga siling sebanyak 80 sen sekeping, pengusaha dan kilang tidak lagi mampu mengeluarkan topeng muka disebabkan kenaikan harga bahan untuk menghasilkan produk tersebut," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan 12 pemain industri sektor peruncitan di pejabat KPDNHEP di sini semalam.

Menurutnya, sebelum ini KPDNHEP telah melaksanakan larangan mengeksport topeng muka ke luar negara supaya bekalan dalam negara ditingkatkan. - *Bernama*